

20 MAR 1999

Mahathir-Rumah

KERAJAAN AKAN BINA SENDIRI RUMAH KOS RENDAH DI KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini kerajaan sendiri akan membina rumah-rumah kos rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, selain sektor swasta.

Katanya bagaimanapun rumah-rumah kos rendah yang dimajukan oleh kerajaan tidak akan dijual sebaliknya akan disewa kepada golongan berpendapatan rendah.

Rumah berkenaan bukanlah yang berharga RM25,000 memandangkan kedudukannya di dalam bandar tetapi kadar sewanya adalah berpatutan, katanya kepada pemberita persidangan media selepas menyerah dan melancarkan projek Perumahan Apartment Kos Rendah di Taman Bunga Raya di Bukit Beruntung dekat sini.

"Kerajaan akan bina sendiri rumah kos rendah di wilayah tetapi untuk disewa supaya mereka yang berpendapatan rendah ada rumah untuk disewa dengan harga yang berpatutan," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan mengambil keputusan membina rumah kos rendah di wilayah kerana jumlah rumah kos rendah yang sepatutnya dibina di kawasan ini oleh swasta sebanyak 300,000 unit, didapati masih belum mencukupi.

Perdana Menteri berkata kerajaan berpuas hati setakat ini dengan prestasi syarikat-syarikat perumahan membina rumah-rumah kos rendah di seluruh negara.

Terdahulu semasa berucap Dr Mahathir menasihat penduduk rumah pangsa supaya menjaga kebersihan rumah dan kawasan perumahan mereka.

Beliau berkata mereka juga harus bersedia mengubah corak hidup seperti mengguna kemudahan seperti kedai dobi dan pusat pengeringan pakaian dan pasar ikan supaya kehidupan mereka lebih sempurna dan memberi imej yang lebih baik.

"Kerajaan inginkan rakyat hidup selesa dan penduduk mestilah terus menjaga kemudahan supaya rumah dan kawasan mereka bersih dan selesa. Cara lama seperti menjemur kain ditingkap sudah tidak sesuai dengan zaman ini," katanya.

Beliau menasihatkan penghuni rumah tersebut supaya sanggup membayar sedikit untuk menikmati kemudahan-kemudahan tersebut yang bererti menikmati kehidupan yang lebih selesa dan baik.

Dr Mahathir berkata beliau membuat teguran itu dengan niat supaya rakyat Malaysia hidup dengan lebih sempurna.

Beliau juga melahirkan harapan supaya Malaysia dapat membentuk satu masyarakat berbilang kaum yang lebih tersusun dan hidup dalam keadaan aman damai serta sempurna.

"Seluruh rakyat hendaklah mengekalkan suasana tenteram supaya negara menikmati pembangunan yang lebih pesat. Dengan suasana yang aman dan tenteram kerajaan akan dapat memajukan negara dengan pesat dan rakyat menikmati berbagai peluang daripada segi pekerjaan, kenaikan gaji dan peluang perniagaan.

"Kita harus bersyukur walaupun negara sedang mengalami kegawatan ekonomi tetapi masih berupaya menyediakan rumah kos rendah pada harga RM25,000," katanya.

"Ini adalah sesuatu yang istimewa kerana kerajaan sentiasa mengusahakan supaya kehidupan rakyat lebih sempurna walaupun harga barang keperluan naik tetapi harga rumah kos rendah masih kekal RM25,000," katanya.

Beliau berkata harga rumah dan hartanah lain akan meningkat pada masa

akan datang dan ini adalah satu pelaburan yang menguntungkan pada masa hadapan.

--BERNAMA

hs WAT